



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PREDIKTOR TINGKAH LAKU KEIBUBAPAAN IBU DAN
KESEJAHTERAAN ANAK DARI KELUARGA MELAYU BERCRERAI**

ZARINA BINTI MOHAMAD AMIN

FEM 2009 2

**PREDIKTOR TINGKAH LAKU KEIBUBAPAAN IBU
DAN KESEJAHTERAAN ANAK DARI KELUARGA
MELAYU BERCERAI**

ZARINA BINTI MOHAMAD AMIN

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2009



**PREDIKTOR TINGKAH LAKU KEIBUBAPAAN IBU DAN KESEJAHTERAAN
ANAK DARI KELUARGA MELAYU BERCERAI**

Oleh

ZARINA BINTI MOHAMAD AMIN

**Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains di
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia**

Julai 2009



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Pemeriksa telah berjumpa pada **30 Julai 2009** untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi **Zarina binti Mohamad Amin** untuk menilai tesis Master Sains beliau yang bertajuk "**Prediktor Tingkah laku Keibubapaan Ibu dan Kesejahteraan Anak dari Keluarga Melayu Bercerai**" mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa tersebut telah memperakarkan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah berkenaan.

Ahli Pemeriksa Jawatankuasa adalah seperti berikut:

Nama Pengerusi, PhD

Pangkat (Profesor/Profesor Madya/Dr
Nama Jabatan dan/atau Fakulti
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Nama Pemeriksa 1, PhD

Pangkat (Profesor/Profesor Madya/Dr
Nama Jabatan dan/atau Fakulti
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalaman)

Nama Pemeriksa 2, PhD

Pangkat (Professor/Professor Madya/Dr
Nama Jabatan dan/atau Fakulti
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalaman)

Nama Pemeriksa Luar, PhD

Pangkat (Professor/Professor Madya/Dr
Nama Jabatan dan/atau Fakulti
Nama Organisasi (Universiti/Institusi)
Negara
(Pemeriksa Luar)

HASANAH MOHD. GHAZALI, PhD

Professor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut :

Rozumah Baharudin, PhD

Professor

Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Rumaya Juhari, PhD

Professor Madya

Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

HASANAH MOHD. GHAZALI, PhD

Professor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 16 November 2009

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

PREDIKTOR TINGKAH LAKU KEIBUBAPAAN IBU DAN KESEJAHTERAAN ANAK DARI KELUARGA MELAYU BERBERCERAI

Oleh

ZARINA MOHAMAD AMIN

Julai 2009

Pengerusi : Professor Rozumah Baharudin, PhD

Fakulti : Ekologi Manusia

Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) menyatakan bahawa pembentukan institusi keluarga yang sejahtera adalah penting bagi menjana modal insan berdaya saing. Pergolakan dalam institusi keluarga mengakibatkan ikatan perkahwinan berakhir dengan perceraian. Di Malaysia, bilangan keluarga bercerai yang diketuai oleh ibu adalah semakin meningkat dan kajian mendapati keluarga ibu bercerai menghadapi pelbagai kesulitan hidup berbanding keluarga lengkap, disamping memberi kesan terhadap kesejahteraan anak Secara amnya, kajian ini bertujuan untuk menentukan prediktor bagi tingkah laku keibubapaan ibu dan kesejahteraan anak dari keluarga Melayu bercerai. Sampel utama ($N=413$) kajian merupakan ibu yang telah bercerai dan salah seorang anak mereka yang masih bersekolah (rendah atau menengah) sebagai subsampel kajian (anak fokus; $n=100$). Data telah dikumpulkan secara temu bual bersemuka menggunakan borang soal selidik. Tingkah laku keibubapaan ibu telah diukur menggunakan ‘*Parental Bonding Instrument*’ (Parker, Tupling & Brown, 1979). Kesejahteraan anak pula diukur berdasarkan tiga aspek iaitu tekanan perasaan [*Center for Epidemiological Studies-Depression Scale* (Radloff, 1977)], penghargaan kendiri ‘*Rosenberg Self-Esteem Scale*’

(Rosenberg, 1979) dan pencapaian akademik. Kesemua instrumen yang digunakan telah diadaptasi mengikut kesesuaian budaya tempatan.

Penemuan hasil kajian menunjukkan tingkah laku keibubapaan ibu Melayu bercerai yang tinggi mempengaruhi faktor kemurungan dan penghargaan kendiri anak. Responden ibu Melayu bercerai juga menunjukkan persepsi penghargaan kendiri ibu yang baik dan keprihatinan yang tinggi mempengaruhi kesejahteraan anak. Kesejahteraan anak (tekanan perasaan, penghargaan kendiri dan pencapaian akademik) yang dikaji pula adalah pada tahap yang sederhana dan ianya dipengaruhi oleh faktor tingkah laku sosial anak yang positif. Penghargaan kendiri ibu Melayu bercerai yang dikaji merupakan faktor penyumbang utama dan mempengaruhi tingkah laku keibubapaan ibu. Manakala tingkah laku sosial anak pula adalah faktor yang mempengaruhi kesejahteraan anak dari keluarga Melayu bercerai. Situasi ini menggambarkan bahawa persepsi penghargaan kendiri ibu dan tingkah laku sosial anak fokus yang dipamerkan memberi kesan positif terhadap kualiti kesejahteraan keluarga Melayu bercerai.

Kesimpulannya, kajian ini memberi sumbangan baru terhadap bidang ekologi keluarga Melayu bercerai dan kualiti kesejahteraan hidup individu ibu dan anak. Faktor penentu tingkah laku keibubapaan ibu dan kualiti kesejahteraan anak yang stabil mendorong kepada sistem ekologi keluarga (jaringan sokongan, sumber ekonomi dan kefungsian keluarga) Melayu bercerai berfungsi dengan lebih baik.

Abstracts of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

PREDICTORS OF MOTHER'S PARENTING BEHAVIOR AND CHILDREN'S WELL-BEING AMONG MALAY DIVORCED FAMILY

By:

ZARINA MOHAMAD AMIN

July 2009

Chairman : Professor Rozumah Baharudin, PhD

Faculty : Human Ecology

The Ninth Malaysia Plan (RMKe-9) reported that family development well-being is the most important to generate a competent of human capital. Families in conflict disrupt the marital relationship and ended in divorced. In Malaysia, the number of families headed by divorced mothers has increased and past research was found that divorced mother's go through the hardship in life rather than two-parent families. Besides that, children's well-being are also effected by divorced parents. This purpose of the study is to determine the predictor of mother's parenting behavior and children's well-being among Malay divorced family. The main sample ($N=413$) of study was Malay divorced mother a select one of their school-going (secondary or primary) children for subsample study (children's of focus; $n=100$). Data collection was face-to-face interview using a structured questionnaire. Mother's parenting behavior was assessed using 'Parental Bonding Instrument' (Parker, Tupling & Brown, 1979). Children's well-being was assessed through three aspect: children depression [Center for Epidemiological Studies-Depression Scale, (Radloff, 1977)], self-esteem 'Rosenberg Self-Esteem Scale'

(Rosenberg, 1979) and academic achievement. All of the instruments used were adapted by the researcher based on Malaysian culture.

The finding of the study showed that Malay divorced mother's parenting behavior has a significant relationship with children's depression and children's self-esteem. The finding showed that the perception of mother's self-esteem and a high level of mother's parenting behavior and will contribute to children's well-being. Children's well-being (depression, self-esteem and academic achievement) was at a moderate level and is positively significant with children's social behavior. In addition, the mother's self-esteem was the main factor contributing to the mother's parenting behavior. Thus, children's social behavior was also a factor affecting the children's well-being among Malay divorced families. This describe that a mother's self-esteem perception and children's social behavior will give positive effects towards the well-being of Malay divorced family quality.

In conclusion the study contributes to the present knowledge of ecology among Malay divorced families and quality of well-being in life (mother and children). Determined by factors of mother's parenting behavior and quality of children's well-being providing Malay divorced families interact each other very good in family ecology system (support system, economy resources and family functioning)

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Pengasih. Segala puji-pujian hanya kepada ALLAH s.w.t. dengan pemberian nikmatMu. Alhamdulliah, syukur ke hadrat Ilahi akhirnya saya dapat menyempurnakan hasil penulisan dengan terbitnya buku tesis ini. Segala kejayaan ini tidak mungkin tercapai tanpa izin dari Yang Maha Esa.

Ucapan penghargaan terima kasih khas buat penyelia, Profesor Dr. Rozumah Baharudin segala panduan pengajaran dan nasihat kepakaran yang telah dikongsi bersama amat berharga bagi diri saya. Tidak lupa kepada Profesor Madya Dr. Rumaya Juhari selaku Ketua Projek IRPA “Perceraian Keluarga di Malaysia: Kesejahteraan Individu Dewasa dan Anak” telah membenarkan saya menggunakan sebahagian data projek untuk kajian ini dan segala bantuan, bimbingan nasihat dan peluang dalam bidang penyelidikan sangat dihargai.

Penghargaan teristimewa buat suami tersayang Esmawi yang sentiasa memberi sokongan, memahami, dan galakan yang tidak berbelah bagi buat diri ini. Atas dorongan dirimu sayang, diri ini dapat melunaskan tesis dan kejayaan seperti hari ini ‘TERIMA KASIH SUAMIKU’. Tidak lupa kepada ahli keluarga, ibu dan bapa serta adik-beradik di atas perhatian yang diberikan.

Akhir sekali, buat Puan Zarinah Arshat yang banyak membantu dari segi bahan untuk penulisan tesis, berkongsi idea bersama dan sentiasa memberi semangat untuk diri ini. Terima kasih buat kalian semua.

PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.

ZARINA BINTI MOHAMAD AMIN

Tarikh: **Disember 2009**

SENARAI KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	vii
PENGHARGAAN	viii
PENGAKUAN	ix
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
BAB	Muka Surat
1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Kenyataan Masalah dan Persoalan Kajian	11
1.4 Kepentingan Kajian	14
1.5 Objektif Kajian: Objektif Am dan Khusus	15
1.6 Hipotesis Kajian	16
1.7 Kerangka Kerja Teoritikal Kajian	18
1.8 Kerangka Kerja Konsepsual Kajian	22
1.9 Definisi Istilah: Operasional dan Konsepsual	32
1.10 Limitasi Kajian	38
1.11 Organisasi Tesis	39
1.12 Rumusan Bab	40
2 ULASAN KARYA TERPILIH	
2.1 Pengenalan	41
2.2 Keluarga Bercerai	42
2.3 Tingkah laku Keibubapaan	47
2.3.1 Prediktor Tingkah laku Keibubapaan Ibu	49
2.4 Kesejahteraan Anak	59
2.4.1 Prediktor Kesejahteraan Anak	59
2.5 Tingkah laku Keibubapaan Ibu dan Kesejahteraan anak	71
2.5.1 Perkaitan Tingkah laku Keibubapaan Ibu dan Kesejahteraan Anak	71
2.6 Rumusan	73
2.7 Pengenal pastian Ruang Kajian	76
2.8 Rumusan Bab	79

3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	80
3.2	Rekabentuk Kajian	81
3.3	Lokasi Kajian	84
3.4	Persampelan Kajian	84
3.5	Pengumpulan Data Kajian	86
3.6	Pengukuran Angkubah Kajian	88
3.6.1	Angkubah Antisiden	89
3.6.2	Angkubah Bebas	96
3.6.3	Angkubah Bersandar	98
3.7	Reliabiliti Kajian	101
3.7.1	Reliabiliti Data	101
3.8	Analisis Data Kajian	102
3.8.1	Analisis Eksploratori Data (EDA)	103
	Histogram	103
	Ujian Normaliti	104
	Rumusan Analisis Eksploratori Data (EDA)	106
3.9	Rumusan Bab	106

4 ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pengenalan	107
4.2	Hasil Analisis Diskriptif	108
4.2.1	Ciri Personal Ibu	109
4.2.2	Ciri Personal Anak	119
4.2.3	Konteks Sosial Keluarga	126
4.2.4	Tingkah laku Keibubapaan Ibu	133
4.2.5	Kesejahteraan Anak	134
	Tekanan Perasaan	134
	Penghargaan Kendiri	137
	Pencapaian Akademik	138
4.3	Analisis Bivariat	143
4.3.1	Ciri Personal Ibu dengan Tingkah laku Keibubapaan Ibu	143
4.3.2	Ciri Personal Anak dengan Tingkah laku Keibubapaan Ibu	145
4.3.3	Konteks Sosial Keluarga dengan Tingkah laku Keibubapaan Ibu	146
4.3.4	Ciri Personal Ibu dengan Kesejahteraan Anak	147
4.3.5	Ciri Personal Anak dengan Kesejahteraan Anak	152
4.3.6	Konteks Sosial Keluarga dengan Kesejahteraan Anak	153
4.3.7	Tingkah laku Keibubapaan Ibu dengan Kesejahteraan Anak	155
4.4	Rumusan Hasil Analisis Korelasi.	160
4.5	Regresi Berganda <i>Stepwise</i>	162

4.5.1	Prediktor Tingkah laku Keibubapaan Ibu	162
4.5.2	Prediktor Kesejahteraan Anak	165
4.6	Rumusan Hasil Analisis Regresi Berganda <i>Stepwise</i>	169
4.7	Rumusan Bab	170
5	RUMUSAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	172
5.2	Rumusan Kajian	173
5.2.1	Objektif 1	174
5.2.2	Objektif 2	180
5.2.3	Objektif 3	181
5.2.4	Objektif 4	182
5.2.5	Objektif 5	183
5.2.6	Objektif 6	184
5.3	Implikasi Kajian dan Teoritikal Kajian	185
5.4.1	Implikasi Teoritikal dan Metodologikal	185
5.4.2	Implikasi Praktis dan Polisi	187
5.4	Limitasi dan Cadangan untuk Kajian Akan Datang	191
5.5	Kesimpulan kajian	192
5.6	Rumusan Bab	194
BIBLIOGRAFI		195
LAMPIRAN A1 :	Borang soal selidik kajian (set soal selidik ibu)	211
A2 :	Borang soal selidik kajian (set soal selidik anak)	224
LAMPIRAN B :	Surat Kebenaran menjalankan kajian	231
LAMPIRAN C :	Analisis Tinjauan Data [<i>Exploratory Data Analysis (EDA)</i>]	233
LAMPIRAN D :	Model Regresi Berganda <i>Stepwise</i>	243
LAMPIRAN E :	Jadual analisis diskriptif dan korelasi	251
LAMPIRAN F :	Jadual Statistik Perceraian mengikut Negeri Di Malaysia 1990 - 2007	255
BIODATA PELAJAR		257

SENARAI JADUAL

Jadual				
3.1 Reliabiliti Koefisien bagi Pengukuran Skala		101		
4.1 Ciri Personal Responden Ibu		111,112		
4.1a Maklumat Latar Belakang Ibu		115,116		
4.2 Ciri Personal Anak		121		
4.2a Maklumat Latar Belakang Anak		125		
4.3 Maklumat Konteks Sosial Keluarga		129,130		
4.4 Skor Tingkah laku Keibubapaan Ibu		133		
4.5 Skor Kesejahteraan Anak (Tekanan Perasaan, Penghargaan Kendiri dan Pencapaian Akademik)		136		
4.6 Maklumat Pencapaian Akademik Anak		139		
4.7 Skor Purata bagi Subjek yang diambil oleh Responden Anak		142		
4.8 Perkaitan di antara Angkubah Antisiden dengan Tingkah laku Keibubapaan Ibu		144		
4.9 Perkaitan di antara Angkubah Antisiden dengan Kesejahteraan Anak		149		
4.10 Perkaitan di antara Kesejahteraan Anak dengan Tingkah laku Keibubapaan Ibu (persepsi ibu).		157		
4.11 Perkaitan di antara Kesejahteraan Anak dengan Tingkah laku Keibubapaan Ibu (persepsi anak).		157		
4.12 Rumusan Analisis Hipotesis		160		
4.13 Model Regresi Berganda <i>Stepwise</i> Tingkah laku Keibubapaan Ibu		163		
4.14 Rumusan Model Regresi Berganda <i>Stepwise</i> Tingkah laku Keibubapaan Ibu		164		
4.15 Model Regresi Berganda <i>Stepwise</i> Kesejahteraan Anak		166		
4.16 Rumusan Model Regresi Berganda <i>Stepwise</i> Kesejahteraan Anak		167		
4.17 Rumusan Analisis Regresi Berganda <i>Stepwise</i>		169		

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
1.1 Ringkasan Organisasi Subtopik Bab 1	4
1.2 Model bagi Penentu kepada Keibubapaan (Belsky)	20
1.3 Kerangka Kerja Konsepsual 'Prediktor Tingkah laku Keibubapaan Ibu dan Kesejahteraan Anak Dari Keluarga Melayu bercerai'	24
2.1 Ringkasan Subtopik Bab 2	41
3.1 Ringkasan Subtopik Bab 3	80
3.2 Sampel dan Subsampel Responden mengikut Lokasi	82
3.3 Pemilihan Responden Ibu mengikut Lokasi	83
3.3a Pemilihan Responden Ibu-anak mengikut Lokasi	83
3.4 Subsampel Responden Ibu-Anak	85
3.5 Histogram Tingkah laku Keibubapaan Ibu	233
3.6 Histogram Kesulitan Ekonomi	233
3.7 Histogram Sokongan Keluarga	234
3.8 Histogram Kefungsian Keluarga	234
3.9 Histogram Tingkah laku Sosial Anak	235
3.10 Histogram Tekanan Kendiri Anak	235
3.11 Histogram Penghargaan Kendiri Ibu	236
3.12 Histogram Tekanan Perasaan Anak	236
3.13 Histogram Penghargaan Kendiri Anak	237
3.14 Histogram Pencapaian Akademik Anak	237
3.15 Plot Taburan Normal Tingkahlaku Keibubapaan Ibu	238
3.16 Plot Taburan Normal Kesulitan Ekonomi Ibu	238
3.17 Plot Taburan Normal Sokongan Sosial	239
3.18 Plot Taburan Normal Kefungsian Keluarga	239
3.19 Plot Taburan Normal Tingkah laku Sosial Anak	240
3.20 Plot Taburan Normal Tekanan Emosi Ibu	240
3.21 Plot Taburan Normal Penghargaan Kendiri Ibu	241
3.22 Plot Taburan Normal Tekanan Perasaan Anak	241
3.23 Plot Taburan Normal Penghargaan Kendiri Anak	242
3.24 Plot Taburan Normal Pencapaian Akademik Anak	242
4.1 Ringkasan Subtopik Bab 4	107
4.2 Proses Organisasi bagi Sampel responden ibu keseluruhan dan Subsampel Ibu-Anak	118
5.1 Ringkasan Subtopik Bab 5	172

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Institusi keluarga merupakan aset kepada penjanaan modal insan kelas pertama yang berdaya saing. Rancangan Malaysia Kesembilan menyatakan bahawa pembentukan keluarga yang sejahtera dan dinamik dapat membentuk modal insan yang cemerlang (RMKe-9, 2006-2010). Keutuhan sesebuah keluarga yang harmonis bergantung kepada kesefahaman mengenai ikatan perkahwinan dan perkongsian nilai-nilai kasih sayang antara ahli keluarga (Sufean, 2005). Namun, konflik dalam hubungan kekeluargaan mengakibatkan ikatan perkahwinan berakhir dengan perceraian yang memberi kesan negatif terhadap individu dewasa dan perkembangan psikologikal anak (Amato & Keith, 1991; Acock & Demo, 1994; Amato, 1994; Cherlin, 1999; Gahler, 1998; Amato, 2000; Billings & Emery, 2000; Jackson & Hung, 2000; Jackson, 2000 & 2003; Ambert, 2002; Dong, Wang & Ollendick, 2002; Ahrons & Thanner, 2003; Kelly & Emery, 2003; Lin, 2008).


Di Malaysia, senario perceraian adalah signifikan dengan perubahan kepelbagai faktor sosial dan demografik keluarga yang memberi implikasi kepada peningkatan bilangan keluarga bercerai yang diketuai oleh ibu. Ibu bercerai bermaksud wanita berkahwin yang mempunyai anak, tetapi telah berpisah, ditinggalkan (tempoh masa yang lama) dan ikatan perkahwinan dibubarkan dengan bekas pasangannya (bekas suami) (Benokraitis, 1996). Namun begitu, istilah yang biasanya digunakan dalam masyarakat kini untuk

mewakili ibu bercerai adalah ibu tunggal atau keluarga induk tunggal. Ibu tunggal dikategorikan kepada dua iaitu ibu tunggal bercerai hidup atau ditinggalkan dan ibu tunggal kematian suami (Rohaty & Muhammad Rais, 2003). Keluarga induk tunggal pula telah dikategorikan dengan beberapa istilah lain antaranya; (1) janda bagi wanita bercerai dengan pasangan (bekas suami), (2) balu bagi wanita yang kematian suami, (3) wanita yang ditinggalkan oleh suami tanpa nafkah zahir dan batin (4) wanita masih belum berkahwin dan mengambil atau membela anak angkat (Hew, 2003). Tinjauan yang dilaksanakan bersama Persatuan Ibu Tunggal Negeri Sembilan menyatakan ibu tunggal merujuk kepada; (1) bercerai dengan suami, (2) suami telah meninggal dan ibu terpaksa meneruskan tugas membesarkan anak-anak, (3) digantung tidak bertali (suami tidak diberi nafkah zahir dan batin) atau ditinggalkan tanpa nafkah, dan (4) bercerai secara sah (Rohaty & Muhammad Rais, 2003). Kepelbagaiannya istilah yang wujud mengenai ibu tunggal menggambarkan isu perceraian semakin mendapat perhatian di kalangan masyarakat setempat.

Berdasarkan kajian lepas menyatakan bahawa konflik perceraian telah menjadi suatu tren masalah semasa khususnya di kalangan masyarakat Melayu (Asiah, 1994; Faridah, 1995; Pong, 1996; Hew, 2003; Anjali Panalal, 2005). Dalam kajian tersebut, didapati bahawa kebanyakan perceraian yang berlaku adalah di kalangan masyarakat Melayu-Islam. Isu perceraian yang dibangkitkan adalah berkaitrapat dengan masalah ketidaksefahaman antara bekas pasangan dan perebutan hak penjagaan anak. Berdasarkan undang-undang keluarga Melayu-Islam di Malaysia dan maklumat dari Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), hak penjagaan anak apabila kedua ibu bapa

bercerai adalah dibawah pengawasan serta tanggungjawab ibu. Namun begitu, sekiranya ibu tidak mampu untuk menyara kesemua anak-anak dibawah jagaannya, bapa (bekas suami) dibenarkan untuk mengambil alih tugas penjagaan yang diamanahkan. Menurut tinjauan kes-kes perceraian oleh JAIS, perebutan hak penjagaan anak antara ibu bapa memberi kesan-akibat negatif terhadap psikologikal anak. Kajian lepas juga menyatakan bahawa anak dari keluarga bercerai mempunyai persepsi negatif terhadap konsep kekeluargaan, perkahwinan dan pergaulan harmonis antara individu (Amato & Keith, 1991; Acock & Demo, 1994; Jackson & Hung, 2000; Jackson, 2000, 2003; Amato & Sobolewski, 2001; Amato, 2001; Williams & Dunne-Bryant, 2006; Yang, 2008)

Dalam bab ini, fokus subtopik yang perlu dikupas adalah seperti ulasan pengenalan topik, kenyataan masalah, objektif kajian, perspektif teoritikal, kerangka kerja konsepsual, hipotesis kajian, definisi istilah, limitasi kajian, organisasi tesis dan rumusan bab. Penerangan subtopik bab ini dibentangkan seperti dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1 : Ringkasan Subtopik Organisasi Bab 1

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian mengenai isu perceraian berlaku sejak sedekad yang lalu dipengaruhi oleh ketidakstabilan proses ekologikal dalam sesebuah keluarga. Namun begitu, beberapa faktor dijangka dapat menyumbang kepada konflik perceraian seperti perubahan dalam proses ekologikal keluarga (sokongan sosial dan kefungsian keluarga), hak penjagaan anak, salah faham tentang peranan keibubapaan dan perubahan persekitaran ekonomi (Cotton, 1999). Kebanyakan kajian yang dilakukan menyatakan bahawa peranan dan tanggungjawab ibu selepas tempoh perceraian adalah lebih konflik berbanding bapa atau bekas suami (Acock & Demo, 1994; Jackson, 2000; Williams & Dunne-Bryant, 2006). Berdasarkan kajian lepas juga didapati ibu bercerai menghadapi tekanan emosi yang lebih tinggi dan penghargaan kendiri yang tidak stabil berbanding ibu tunggal yang kematian suami (Hetherington, Cox & Cox, 1978; Burns & Dunlop, 1998; Amato, 2000; Cohen & Savaya, 2003; Lin, 2008; Yang, 2008).

Secara umumnya, hasil statistik yang diperolehi daripada Persatuan Ibu Tunggal Islam, didapati sebahagian besar keluarga induk tunggal Melayu di Malaysia adalah terdiri daripada ibu tunggal yang kematian suami dan hanya sebilangan kecil merupakan ibu tunggal bercerai hidup [Pertubuhan Ibu Tunggal Islam Wilayah Persekutuan dan Selangor (PITI), 2005]. Hasil tinjauan yang diperolehi, kebanyakan ibu yang mengikuti Persatuan Ibu Tunggal adalah ibu tunggal kematian suami berbanding ibu bercerai. Situasi ini adalah disebabkan faktor kendiri ibu bercerai yang rendah (status janda), kurang pendedahan dan pengetahuan mengenai tempat pengaduan (pertubuhan atau

persatuan), sukar bergaul mesra dengan individu lain serta mempunyai anak yang masih kecil (PITI, 2005). Hasil maklumat dari Jabatan Agama Islam Malaysia mendapati kebanyakan kes-kes perceraian yang didaftarkan melibatkan pasangan ibu bapa memiliki anak yang masih kecil antara umur lima tahun dan ke bawah (JAKIM, 2006). Oleh yang demikian, kebanyakan anak dari keluarga Melayu bercerai mendapat kurang kasih sayang dan didikan yang sempurna dari ibu bapa. Situasi ini disokong oleh dapatan lepas menyatakan bahawa anak-anak dari keluarga bercerai atau berisiko mempunyai masalah psikologikal dan salah laku sosial yang negatif terhadap ruang persekitarannya (Amato & Keith, 1991; Amato & Booth, 1991; Burn & Dunlop, 1998, O'Connor, Thorpe, Dunn & Golding, 1999; Emery, 1999; Westberg, Nelson & Piercy, 2002; Guttmann & Rosenberg, 2003).

Berdasarkan statistik dari Jabatan Perangkaan Malaysia, (2000) melaporkan sejumlah 529,701 (85.4 peratus) ibu tunggal (kematian suami) dan seramai 90,688 (14.6 peratus) pula merupakan ibu bercerai. Namun kini, bilangan statistik perceraian yang dilaporkan dari seluruh Jabatan Agama di Malaysia semakin meningkat dan secara tidak langsung bilangan ibu bercerai juga bertambah. Pengkaji lepas mendapati bilangan ibu bercerai (73 orang) yang diperolehi adalah melebihi ibu tunggal (63 orang) (Anjali Panalal, 2005). Hasil laporan statistik dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dari tahun 1990 hingga 2007, mendapati bilangan pasangan bercerai semakin meningkat pada setiap tahun (rujuk jadual statistik di Lampiran F) dan menunjukkan seramai 20,529 orang pasangan telah bercerai. Hasil bancian statistik menunjukkan Negeri Selangor telah mencatatkan bilangan perceraian tertinggi iaitu 3,722 orang, diikuti negeri

Kelantan (2,257), Kedah (2,188), Johor (1,931), Pahang (1,502), Terengganu (1,537), Perak (1,551) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (1,141) (JAKIM, 2008). Berdasarkan Bancian Penduduk dan Perumahan melaporkan sejumlah 126,810 ibu tunggal daripada 11.4 juta wanita berkahwin di Malaysia (Jabatan Statistik Malaysia, 2000).

Statistik dari Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menunjukkan bilangan ibu bercerai yang beragama Islam adalah seramai 13,606 orang (1998) dan meningkat kepada 10,267 orang pada tahun berikutnya (2003) (KPWKM, 2004). Menurut sumber statistik dari Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) menunjukkan daripada 1,099 pasangan yang berkahwin, seramai 108 pasangan telah mendaftar untuk bercerai (JAWI, 2007). Sumber laporan dari JAIS (2006) juga mendapati kebanyakan pasangan telah bercerai, tempoh perkahwinan kurang daripada 10 tahun. Hasil dapatan kajian yang diperolehi sekitar Lembah Klang menunjukkan sebanyak 73% ibu Melayu bercerai dalam tempoh kurang daripada lima tahun usia perkahwinan dan berumur antara 26 hingga 56 tahun (Anjali Panalal, 2005). Hasil kajian lepas mendapati kebanyakan ibu Melayu bercerai adalah dalam tempoh tujuh tahun dan berumur antara 35 tahun ke atas (Rumaya, Rozumah, Siti Nor & Rojanah, 2008).

Beberapa faktor telah dikenal pasti untuk menerangkan masalah bagi keluarga bercerai yang menghadapi kesukaran kehidupan berbanding keluarga lengkap. Faktor persekitaran, tekanan ekonomi dan perubahan struktur keluarga merupakan salah satu

sebab bilangan ibu yang bercerai semakin meningkat (Yang, 2008). Perceraian yang dialami oleh ibu adalah suatu pengalaman pahit dan kesukaran dilalui dalam meneruskan kehidupan selepas berpisah dengan bekas suami. Situasi ini mengakibatkan ibu bercerai mempunyai tahap ketidakstabilan psikologikal emosi yang tinggi berbanding ibu tunggal kematian suami (McLanahan, 1993; McLoyd, Jayaratne, Ceballo, & Borquez, 1994; Williams & Dunne-Bryant, 2006). Walau bagaimanapun, faktor psikologikal antara ibu bercerai dengan ibu tunggal adalah sama seperti peranan keibubapaan, nilai keluarga, tahap kendiri tidak stabil, status pekerjaan yang rendah dan mengalami situasi kesulitan kewangan (Biblarz & Gottainer, 2000). Namun, situasi kehidupan dan tekanan emosi yang dialami oleh ibu yang telah diceraikan adalah lebih memeritkan dan memberi kesan jangka panjang terhadap perkembangan psikologikal anak apabila dewasa.

Penglibatan anak dalam konflik perceraian ibu bapa memberi kesan negatif terhadap kesejahteraan psikologikal anak (Amato & Keith, 1991; Amato, 1991 & 2000; Sun & Lin, 2008). Disamping itu juga, anak dari keluarga bercerai berisiko mengalami simptom kemurungan yang berterusan dari segi tekanan emosi dan penghargaan kendiri anak (Amato, 1991). Kajian lepas menyatakan bahawa pergaulan bebas dan pengaruh rakan sebaya mempengaruhi anak melakukan salah laku sosial seperti delikuensi juvana, dan kegagalan pencapaian akademik di sekolah (Amato & Stolba, 1993; Fagan & Rector, 2000). Kajian lepas menunjukkan anak dari keluarga Melayu bercerai mempunyai skor kesignifikan yang rendah terhadap personaliti kendiri, tahap resiliensi, penyesuaian psikologikal dan prestasi akademik di sekolah (Amato & Keith, 1991; Acock & Demo, 1994). Ketidakseimbangan psikologikal ini memberi kesan terhadap

kesihatan anak dan simptom fizikal seperti demam berpanjangan, mata bengkak, kurang selera makan, sakit tekak serta sakit perut (Hamid, 2004). Simptom kesihatan yang ditunjukkan adalah berbeza-beza mengikut perkembangan kematangan anak seperti faktor umur dan jantina. Walau bagaimanapun, kesan tekanan yang dialami adalah bergantung kepada tempoh masa perceraian ibu bapa dan tidak semua faktor yang dinyatakan memberi kesan negatif kepada setiap anak dalam keluarga bercerai.

Berdasarkan kajian lepas di barat mendapat terdapat beberapa faktor sebab-akibat yang menjadikan pasangan suami isteri bertambah sejahtera selepas berpisah (Amato & Hohmann-Marriott, 2007). Dapatan ini disokong oleh Kalmijn & Monden, (2006), menyatakan simptom tekanan yang dialami dalam tempoh dua hingga empat tahun selepas bercerai adalah rendah apabila perceraian dapat menyelesaikan permasalahan yang ditanggung. Konflik yang berlanjutan dalam rumah tangga menyukarkan individu untuk membuat keputusan secara rasional. Oleh yang demikian, perceraian merupakan alternatif terbaik kepada pasangan untuk membina hidup baru yang lebih sempurna. Menurut Amato dan Homann-Marriott (2007), terdapat dua faktor asas pasangan bercerai iaitu (1) bercerai disebabkan masalah yang tidak serius dalam perkahwinan (penderaan, masalah hubungan suami isteri, tidak bahagia dengan perkahwinan dan tiada kepuasan melalui perkahwinan) dan (2) pasangan sering berkonflik, tiada interaksi dua hala yang baik dan tiada komitmen dalam hubungan perkahwinan yang dibina (cth: suami atau isteri terlalu mengharapkan sesuatu yang tinggi kepada pasangan). Situasi ini menerangkan perceraian merupakan alternatif terbaik kepada pasangan yang menghadapi konflik rumah tangga dan tidak menemui jalan penyelesaian.